

6 JAN 1996

SATAY ANIKA AKAN DIPERLUAS MELALUI FRANCAIS

IPOH, 6 Jan (Bernama) -- Satay Anika, syarikat sate Malaysia yang terkemuka, bercadang untuk memperluaskan perniagaannya melalui francais di dalam dan di luar negeri, kata pengerusinya, Abdul Aziz Abdul Majid.

Bagi menampung peluasan ini, syarikat itu menggunakan mesin dalam pengeluarannya dan kini boleh mengeluarkan sehingga 250,000 cucuk sate sehari, kata Abdul Aziz atau lebih terkenal sebagai penyanyi Zain Azman.

Satay Anika telah ditubuhkan oleh keluarga "Majid Satay", tuannya kedai sate yang terkenal di Kuala Lumpur dalam tahun-tahun 1960an.

Abdul Aziz berkata restoran pertama di luar negara di bawah konsep francais ini dijangka dibuka di Brunei Darussalam pada akhir tahun ini.

Ini akan diikuti oleh restoran-restoran di United Kingdom dan Eropah, katanya kepada pemberita pada pembukaan restoran ketiga syarikat tersebut di negara ini malam tadi.

Syarikat itu mempunyai dua restoran sendiri di Lembah Kelang - sebuah di BB Plaza, Kuala Lumpur dan sebuah lagi di Subang Parade, Subang Jaya. Restoran-restoran ini masing-masing menjual lebih daripada 20,000 cucuk sate sehari.

Abdul Aziz berkata peluasan Satay Anika ke seberang laut, adalah untuk memenuhi harapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melihat makanan tempatan seperti sate menjadi terkenal di peringkat antarabangsa.

Mengenai francais di dalam negeri, Abdul Aziz berkata Satay Anika akan membuka sebuah restoran di bawah konsep sedemikian di Seremban selepas Hari Raya Puasa.

Bagi restoran di Taman Ipoh Selatan, Ipoh, beliau berkata ia berharap dapat menjual lebih daripada 10,000 sate sehari.

Sate ini disediakan di Kuala Lumpur dan dibakar di restoran Ipoh itu.
-- BERNAMA